

SURAT PEKELILING ICT NO. 4/2011

DARIPADA: Setiausaha Kerajaan Negeri

KEPADA: Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Residen dan Pegawai Daerah
Semua Pihak Berkuasa Tempatan
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri

**PERKARA: PEMBANGUNAN DAN PENGEMASKINIAN LAMAN WEB AGENSI
KERAJAAN NEGERI**

RUJ. KAMI: JKM/ICTU/100-15.02 KLT.1(7)

TARIKH: 6 Jun 2011

1. TUJUAN

- 1.1 Lanjutan daripada Surat Pekeliling ICT No.1/2008, Pekeliling ini bertujuan untuk memberi peringatan kepada semua agensi Kerajaan Negeri bahawa maklumat dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada orang awam di laman web agensi masing-masing adalah amat kritikal dari segi kesahihan dan ketepatan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Selaras dengan perkembangan era digital, adalah tidak mencukupi dengan memberikan perkhidmatan kepada orang awam secara manual. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri telah menyarankan semua agensi Kerajaan Negeri menyediakan maklumat dan perkhidmatan secara dalam talian melalui laman web agensi masing-masing sebagai salah satu usaha dalam mempertingkatkan pemberian perkhidmatan kepada orang awam di mana maklumat dan perkhidmatan dapat diperolehi tanpa kekangan masa dan tempat.

3. ANALISA

- 3.1 Berasaskan maklum balas dan pemantauan terhadap laman web agensi Kerajaan Negeri, didapati masih ada agensi yang masih belum membangun laman web agensi dan juga masih ada laman web agensi yang tidak dikemaskini melebihi jangkamasa enam bulan.
- 3.2 Adalah difahamkan bahawa Unit ICT, Jabatan Ketua Menteri telah menyediakan kemudahan perisian (*software dynamic template*) yang mudah digunakan. Ianya boleh digunakan oleh pentadbir laman web agensi dalam membangun dan mengemaskini laman web agensi walaupun pentadbir laman web tidak

mempunyai kepakaran dalam ICT. Oleh yang demikian, isu tidak pandai menguruskan laman web bukan lagi satu sebab kenapa laman web tidak dapat dibangunkan atau tidak dikemaskini.

4. TANGGUNGJAWAB KETUA AGENSI

- 4.1 Semua Ketua Agensi adalah bertanggungjawab ke atas perkara-perkara berikut:
- a. Memastikan laman web agensi dibangunkan dan dikemaskini sepanjang masa;
 - b. Mempunyai pentadbir laman web yang diberikan keutamaan dalam mengemaskini laman web agensi; dan
 - c. Mengadakan pemantauan status laman web agensi yang berterusan dan dijadikan satu topik perbincangan dalam mesyuarat agensi.

5. PEMAKAIAN

5.1 Bagi agensi Kerajaan Negeri yang masih belum mempunyai laman web rasmi, ianya perlu dibangunkan dalam tempoh tiga bulan mulai dari Surat Pekeliling ini dikeluarkan. Sementara bagi agensi Kerajaan Negeri yang telah mempunyai laman web rasmi mestilah sentiasa dikemaskinikan. Unit ICT, Jabatan Ketua Menteri telah dimandatkan untuk menjalankan pemantauan bulanan dan Ketua Agensi perlu memberikan penjelasan dan justifikasi sekiranya laman web agensi didapati tidak dikemaskini.

6. TARIKH KUATKUASA

61 Surat Pekeliling ini berkuatkuasa dari tarikh ia dikeluarkan. Surat Pekeliling ini diedarkan secara dalam talian di Berita SarawakNet dan juga di laman Pekeliling Kerajaan Negeri.

Sekian, harap maklum.

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"

"AN HONOUR TO SERVE"



(DATUK AMAR HAJI MOHAMAD MORSHIDI HAJI ABDUL GHANI)
Setiausaha Kerajaan Negeri
Sarawak